

ورتا فنرشن

Warta Penerangan



DISEMBER 2015





**Terbitan Bahagian Pengurusan
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri**

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Mawardi bin Haji Mohammad
Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar

Penyelaras & Penyemak
Nur Amalina Jennifer binti Abdullah Mok
Jorrani binti Haji Zainal

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
pegawai dan kakitangan
Jabatan Penerangan



WARTA Penerangan merupakan sebuah surat majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Bahagian Pengurusan, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Jabatan Penerangan.

Isi Kandungan

Muka

| | |
|--|---------|
| Poster terbitan Jabatan Penerangan, Majlis Sambutan Maulud Nabi, Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam | 5 |
| Majlis Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Wassalam | 6 |
| Jabatan Perdana Menteri semarakkan Majlis Dikir Maulud Nabi di Masjid Ash-Saliheen | 7 |
| Dikir Maulud terus bergema di Masjid Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah | 8 |
| Perjumpaan bersama Deputy Chief of Mission, Embassy of the People's Republic of China | 8 |
| Jabatan Penerangan dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) meneruskan Majlis Dikir | 9 |
| Jemaah Masjid Kampung Sungai Hanching adakan Dikir Maulud Nabi Masjid Sg Hanching | 10 |
| Jadikan Nabi Muhammad sebagai idola | 11 |
| Sembahyang mengikut Sunnah Rasulullah lebih afdal | 12 - 13 |
| Penempatan Kerja di Bahagian Pentarama Jabatan Penerangan Malaysia | 13 |
| Bengkel Penulisan Berita Berkesan | 14 |
| Bengkel tingkat keupayaan penulisan berita | 15 |
| Lawatan Kelab Belia Nadi Al-Muhibin, Masjid RPN Bukit Beruang ke Jabatan Penerangan | 16 - 17 |
| Majlis Penyampaian Sijil dan Pembentangan Hasil Reality Program Higher Education Unit Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah | 18 |
| Perlawanan Persahabatan Badminton | 19 |
| Program Sua Muka | 20 |
| Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus / bengkel / program pada bulan Disember 2015 | 21 |
| Kalendar 2016 terbitan Jabatan Penerangan | 22 - 23 |
| Kenaikan pangkat pegawai-pegawai Jabatan Penerangan | 23 |
| Kakitangan yang baru berkhidmat di Jabatan Penerangan | 23 |

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Poster terbitan Jabatan Penerangan, Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam

سَلَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
وَسَلَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
وَسَلَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

MAJLIS SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM

Pada Hari Khamis
12 Rabiulawal 1437 bersamaan 24 Disember 2015

Tema:
**‘Menghayati Sunnah Rasullullah
Sallallahu Alaihi Wasallam’**

Taman Haji Sir Muda Omar ‘Ali Saifuddien,
Bandar Seri Begawan.

Padang Bandaran, Jalan Sultan,
Kuala Belait.

Padang Sekolah Rendah Muda Hashim,
Pekan Tutong.

Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan,
Pekan Bangar.



Diterbitkan oleh: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

infodept.bn infodept.bn HRD infodept.bn

Majlis Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi, Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyemarakkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan menyertai bersama hampir 12 ribu rakyat dan penduduk Islam dalam acara perhimpunan dan perarakan yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara.

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri juga menyertai perarakan sambil berselawat sempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Tahun 1437 Hijrah.

Sambutan kali ini membawakan tema ‘Menghayati Sunah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam’ antara lain membawakan pengertian sunah dari segi bahasa bermaksud perjalanan, amalan atau cara hidup manakala dari segi istilah ahli-ahli hadis ialah apa-apa yang terbit daripada Rasulullah sama ada perkataan, perbuatan, pengakuan, sifat kejadian dan akhlak Baginda.

Sunah merupakan sumber rujukan kedua umat Islam dan ia selari dengan Al-Qur'an. Sunah berperanan menjelaskan Al-Qur'an dari berbagai-bagai aspek, ia menjelaskan ayat-ayat dan hukum-hukum secara menyeluruh dan terperinci serta menghuraikan setiap peribadatan melalui praktikal dan amali.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama peserta-peserta yang mengikuti perarakan sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 2015.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bersama pegawai dan kakitangan sebelum memulakan perarakan.



PEGAWAI dan kakitangan Jabatan Penerangan yang mengikuti dan menyemarakkan perarakan sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Jabatan Perdana Menteri semarakkan Majlis Dikir Maulud Nabi di Masjid Ash-Shaliheen



MENTERI Kewangan II di JPM, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim semasa hadir dalam Majlis Dikir Sambutan Maulidur Rasul bagi Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatannya di bawahnya.

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 Disember. - Rombongan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatannya di bawahnya mempersembahkan Majlis Dikir sempena Sambutan Maulid Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1437 Hijrah / 2015 Masihi bertempat di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan malam ini.

Majlis Dikir tersebut diketuai oleh Menteri di JPM dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri di JPM, Dato Paduka Awang Haji Mohamad Roselan bin Haji Mohamad Daud, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai serta kakitangan JPM dan jabatan-jabatannya di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan sembahyang fardhu Maghrib berjemaah yang diimamkan oleh Imam-imam Masjid Ash-Shaliheen.

Para hadirin yang terdiri daripada warga JPM seterusnya membaca Dikir Syarafil Anam beramai-ramai dan persembahan dikir tersebut diteruskan



SUASANA Majlis Dikir Maulud Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-jabatannya di Bawahnya di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks Bangunan JPM.

semula setelah menuaikan sembahyang fardhu Isyak.

Kegiatan keagamaan itu adalah untuk menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tahun ini.

Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan salah satu acara kebesaran Islam yang diraikan oleh masyarakat beragama Islam di seluruh dunia.

Dikir Maulud terus bergema di Masjid Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah

Foto : Abdul Karim Hamdan, Muhammad Asri Haji Awang Abas



TIMBALAN Menteri, Jabatan Perdana Menteri Dato Paduka Awang Haji Mohamad Roselan bin Haji Mohamad Daud dan rombongan dari Jabatan Penerangan hadir dalam Majlis Dikir Maulud Nabi di Masjid Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah pada 17 Disember 2015. (gambar atas dan bawah).



PEMANGKU Pengarah Penerangan bersama Pejawai dan Kakitangan Jabatan Penerangan semasa di Majlis Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallalahu 'Alaihi Wassallam tersebut.

Perjumpaan bersama Deputy Chief of Mission, Embassy of the People's Republic of China

Oleh & Foto :
Ali Termizzi Haji Ramlli / Haji Ramli

SEI perjumpaan dan perbincangan bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bersama Fu Fengshan, Deputy Chief of Mission, Embassy of the People's Republic of China in Brunei Darussalam telah diadakan di sebelah pagi pada hari Sabtu, 19 Disember 2015 bertempat di Tingkat 5, Bangunan Tambahan di Jabatan Penerangan.

Sesi Perjumpaan dan perbincangan tersebut diadakan bagi membincangkan mengenai kerjasama baru yang perlu diterokai di antara dua agensi kerajaan antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China dalam mengeratkan hubungan kerjasama yang lebih erat.



SEI perjumpaan dan perbincangan bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bersama Fu Fengshan, Deputy Chief of Mission, Embassy of the People's Republic of China in Brunei Darussalam (gambar atas) dan gambar kanan sesi bertukar-tukar cenderahati (gambar bawah).



Jabatan Penerangan dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) meneruskan Majlis Dikir

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi



HADIR dalam Majlis Dikir, Ketua Kampung Sungai Akar, Awang Haji Ramlee bin Haji Mohd. Zain.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Disember. - Rombongan Jabatan Penerangan dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) meneruskan lagi Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bertempat di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah di Kampung Sungai Akar.

Hadir pada majlis tersebut, Ketua Kampung Sungai Akar, Awang Haji Ramlee bin Haji Mohd. Zain.

Juga hadir ialah para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dan PDB serta penduduk sekitar.

Majlis itu dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Awang Haji Syamsul Nizam bin Haji Badar dan seterusnya diikuti dengan Majlis Dikir yang dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai.

Kemudian majlis diteruskan dengan bacaan Doa Selamat oleh Awang Haji Saadullah bin Haji Md. Salleh.

Majlis berdikir tersebut merupakan malam kelima dan salah satu acara yang diadakan pada setiap tahun di daerah-daerah bagi sama-sama menyemarakkan lagi suasana hari-hari kebesaran Islam di negara ini, di samping untuk mengeratkan silaturahim dengan penduduk kampung.



ANTARA jemaah perempuan yang mengikuti Majlis Dikir.



ROMBONGAN dari Jabatan Penerangan turut hadir dalam Majlis Dikir tersebut.



ANTARA penduduk Kg. Sungai Akar yang hadir dalam Majlis Dikir.

Jemaah Masjid Kampung Sungai Hanching adakan Dikir Maulud Nabi Masjid Sg Hanching



ANTARA yang menyertai majlis tersebut ialah rombongan dari Jabatan Penerangan.

JALAN MUARA, Selasa, 15 Disember. - Laungan dikir memuji Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam terus berkumandang di masjid-masjid, surau-surau dan balibalai ibadah di seluruh negara selama 12 malam berturut-turut.

Sehubungan itu, lewat petang tadi Dikir Maulud diteruskan pada hari keempat di Masjid Kampung Sungai Hanching.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Imam masjid berkenaan, Awang Haji Khairul Nizam bin Haji Md. Said.

Acara kemudiannya diikuti dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai dan diikuti dengan bacaan Dikir-dikir Assalamualaika, Khairuman, Alham dan Asraqal oleh Kumpulan Dikir Jabatan Penerangan; Kumpulan Dikir Jabatan Pos, Berakas; Kumpulan Dikir Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA); Kumpulan Dikir dari Majlis Perundingan Kampung (MPK) Perpindahan Lambak Kanan; Kumpulan Dikir Masjid Kampung Sungai Hanching dan penduduk sekitarnya.

Acara berakhir dengan Doa Penutup yang dibacakan oleh imam masjid berkenaan.

Hadir menyertai acara keagamaan tersebut ialah Pemangku Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Haji Abdul Manap bin Othman selaku Ketua Rombongan Kumpulan Dikir JPA; Pengawal Pos, Awang Haji Sahrin bin Haji Ibrahim selaku Ketua Rombongan Kumpulan Dikir Pos Berakas dan Awang Haji Basri bin Haji Abu Bakar selaku Ketua Rombongan MPK Perpindahan Lambak Kanan.

Majlis tersebut bertujuan sebagai salah satu syiar untuk memakmurkan masjid, selain untuk mengingati hari kelahiran Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara jemaah masjid dan penduduk kampung.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk sama-sama menyemarakkan suasana hari-hari kebesaran Islam di negara ini.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd Ali



SUASANA Majlis Dikir Maulud di Masjid Kampung Sungai Hanching.



MAJLIS Dikir Maulud sempena Maulidur Rasul Tahun 2015 di Masjid Kampung Sungai Hanching.

Jadikan Nabi Muhammad sebagai idola

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Azmah Haji Ahad



ANTARA yang menyertai majlis tersebut ialah rombongan dari Jabatan Penerangan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Disember. - Generasi muda pada masa ini perlu sentiasa mengingati dan menjadikan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai idola mereka dan menjadikan sambutan memperingati Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam itu, satu perkara yang harus bagi semua umat Islam.

Perkara ini antara yang dijelaskan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Jumat semasa ditemu bual Pelita Brunei di Majlis Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bertempat di masjid berkenaan. Tambahnya, kita bukan saja memperingati kelahiran Baginda dengan berdikir dan berselawat tetapi kita juga perlu menghayati perjuangan Baginda dalam kehidupan kita ini.

"InsyaaAllah dengan cara itu kita akan mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala," jelasnya lagi. Majlis terdahulu dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan Dikir Maulud beramai-beramai dan disudahi dengan bacaan doa selamat sebelum diteruskan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Antara yang menyertai majlis tersebut ialah rombongan dikir dari Jabatan Penerangan, Kumpulan Dikir RPN Lambak Kanan Kawasan 2, Kumpulan Dikir Al-Mukmin dan Kelab Dikir masjid berkenaan. Malam ini merupakan malam penutup dikir 12 malam berturut-turut sempena memperingati Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang bertujuan untuk menyemarakkan lagi acara keagamaan tersebut.



PEGAWAI Masjid Perpindahan Lambak Kanan, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Jumat.



PARA jemaah wanita turut serta menyertai malam terakhir Dikir Maulud.

Sembahyang mengikut sunnah Rasulullah lebih afdal

Oleh : Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



TURUT hadir Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar bagi acara Sambutan Maulidur Rasul Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1437 Hijrah bersamaan 2015 Masihi anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.



CERAMAH Khas yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah Fakulti Usuluddin, UNISSA, Haji Mohd. Khairul Nazif bin Haji Awang Damit.



ANTARA pegawai dan kakitangan lelaki Jabatan Penerangan yang hadir.

BERAKAS, Khamis, 31 Disember. - Sembahyang merupakan tonggak penegak ugama Islam, namun menurut Penolong Pensyarah, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Muhammad Khairul Nazif bin Haji Awang Damit dalam Ceramah Khas bertajuk ‘Menghayati Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam’, berkata, sembahyang dengan mengikuti sunnah Rasulullah adalah lebih afdal.

Beliau menjelaskan perkara tersebut ketika menyampaikan ceramah dalam Majlis Sambutan Maulidur Rasul Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1437 Hijrah bersamaan 2015 Masihi anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, bertempat di Surau, Bangunan Lama, Tingkat 1, Jabatan Penerangan.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai dan diikuti dengan Ceramah Khas.

Acara diteruskan lagi dengan persembahan dikir dari pegawai dan kakitangan (lelaki) jabatan tersebut dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Haji Mahmud Hafidzie bin Haji Ali Mashod.

Majlis antara lain diharap dapat menyemai rasa cinta terhadap Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara kakitangan Jabatan Penerangan.

Hadir ke majlis tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.



BACAAN AI-Fatihah yang diketuai oleh Pembantu Pegawai Luar Penerangan, Awang Haji Mahmud Hafidzie bin Haji Awang Ali Mashod.



ANTARA pegawai dan kakitangan wanita Jabatan Penerangan yang menghadiri majlis tersebut.

Penempatan Kerja di Bahagian Pentarama Jabatan Penerangan Malaysia

Oleh & Foto :

Petikan dari laporan Awang Haji Dayang bin Haji Kasim

PENTARAMA di Malaysia bermula pada tahun 1971 dengan persembahan Wayang Pacak. Ianya adalah sebahagian daripada strategi penyampaian maklumat sambil berhibur yang dilaksanakan oleh Jabatan Penerangan Malaysia.

Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim telah menjalani penempatan kerja selama empat hari di Bahagian Pentarama di Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia pada 2 hingga 5 Disember 2015.

Sepanjang penempatan kerja, Awang Haji Dayang telah bertukar-tukar pengalaman dan pemikiran tentang gerak kerja Pentarama di Malaysia dan di Negara Brunei Darussalam. Beliau juga berkesempatan

untuk menyaksikan secara dekat kelengkapan dan peralatan teknikal pentas Pentarama serta melihat dan menilai latihan persembahan Pentarama.



ARTIS Pentrama Kumpulan Shoutul Sahabah mempersembahkan nyanyian irama keislaman.



LORI yang boleh dijadikan pentas persembahan Pentarama.

Bengkel Penulisan Berita Berkesan

Foto : Unit Latihan dan Penyelidikan, Haji Ariffin Mohd Noor / Morshidi, Unit IT & Media Baru



PEMANGKU Pengarah Penerangan dan para pegawai serta peserta bengkel yang hadir di Majlis Pelancaran Bengkel Penulisan Berita Berkesan (gambar kiri dan kanan).



PESERTA bengkel membentangkan pengisian berita berkesan.

FASILITATOR bengkel Encik Nizal bin Mohammad menerangkan nilai-nilai berita.



SESI bergambar ramai para peserta bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dan pegawai-pegawai Jabatan Penerangan.

Bengkel tingkat keupayaan penulisan berita

Oleh : Mohamad Azmi Awang Damit,
Foto : Mohammad Sharizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Disember. - Seramai 20 peserta telah berjaya menamatkan Bengkel Penulisan Berita Berkesan dan menerima sijil mereka dalam satu majlis penutup yang diadakan di Dewan Auditorium Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

Majlis telah dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan diikuti dengan ucapan daripada wakil peserta bengkel Awang Mohammad Azmi bin Awang Damit. Menurut beliau, di sepanjang bengkel dijalankan, pelbagai ilmu telah disampaikan kepada mereka, meliputi beberapa aspek penting dalam bidang kewartawanan seperti etika sebagai seorang wartawan, kemahiran komunikasi, kemahiran menemubual dan tatacara penulisan berita yang berkesan.

Bengkel selama dua hari itu disampaikan oleh fasilitator dari Malaysia, iaitu Encik Nizal bin Mohammad. Bengkel ini merupakan salah satu usaha Jabatan Penerangan bagi meningkatkan lagi keupayaan pegawai dan kakitangannya dalam bidang penulisan berita.

Selain itu, bengkel berkenaan juga diharap akan dapat membantu meningkatkan kualiti penerbitan Pelita Brunei selaku akhbar rasmi kerajaan.

Pelita Brunei merupakan salah satu produk Jabatan Penerangan yang kini diterbitkan sebanyak tiga kali seminggu, iaitu pada setiap hari Isnin, Rabu dan Sabtu.

Ia juga boleh dilayari secara dalam talian melalui laman sesawang ‘www.pelitabrunei.gov.bn’ yang dikemas kini setiap hari bagi menyalurkan berita kepada orang ramai.

Di samping itu, Jabatan Penerangan juga menyediakan galeri Infofoto bagi memudahkan orang ramai untuk menyaksikan gambar-gambar yang berkaitan dengan acara-acara yang melibatkan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja yang lain melalui laman sesawang ‘www.infofoto.gov.bn’.



AWANG Mohammad Azmi selaku wakil peserta mengongsikan dapatan sepanjang bengkel berkenaan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan cenderamata kepada fasilitator bengkel penulisan iaitu Encik Nizal bin Mohammad dari Malaysia.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar menyampaikan sijil penyertaan kepada para peserta (gambar kiri dan kanan).

Lawatan Kelab Belia Nadi Al-Muhibbin, Masjid RPN Bukit Beruang ke Jabatan Penerangan



PARA pegawai dari Jabatan Penerangan bergambar ramai bersama rombongan Kelab Belia Nadi Al-Muhibbin, Masjid RPN Bukit Beruang, Tutong.

Oleh : Unit Perhubungan Awam
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, 21 Disember— Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri telah menerima lawatan dari Rombongan Kelab Belia Nadi Al Muhibbin, Masjid RPN Bukit Beruang, Tutong seramai 14 orang, bertempat di Bilik Persidangan, Bangunan Tambahan Ibu Pejabat Penerangan, Berakas. Ketua Rombongan ialah Awang Muhammad Padini bin Ta'ai, Timbalan Pengurus, Kelab Belia Nadi Al-Muhibbin.

Rombongan telah dialu-alukan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dan pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai Jabatan Penerangan. Lawatan berkenaan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha beramai-ramai dan diikuti dengan taklimat mengenai Jabatan Penerangan oleh Penolong Pegawai Perhubungan Awam, Dayang Nur Zahirah Binti Haji Osman.

Jabatan Penerangan berperanan dalam menjaga Imej Raja, Negara dan Kerajaan dan juga sebagai ‘Lidah’ dan ‘Telinga’ kerajaan dalam menyampaikan maklumat dan berita mengenai dasar, aktiviti dan program kerajaan kepada seluruh lapisan masyarakat. Penyaluran maklumat berkenaan adalah daripada strategi kerja jabatan melalui Media Cetak seperti Akhbar Rasmi Kerajaan iaitu PELITA BRUNEI, buku-buku yang berorientasikan kenegaraan dan juga melalui Komunikasi Bersemuka seperti Program Sua Muka, Taklimat Kenegaraan dan Media Baharu iaitu penyampaian maklumat menerusi laman sesawang dan juga media sosial seperti ‘Facebook’, ‘Instagram’ dan ‘Twitter’.



ROMBONGAN mendengarkan sesi taklimat mengenai Jabatan Penerangan (gambar atas dan bawah).






PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa menyampaikan hadiah kepada Ketua Rombongan ialah Awang Muhammad Padini bin Ta'ai, Timbalan Pengurus Kelab Belia Nadi Al-Muhibbin.



PARA rombongan Kelab Belia Nadi Al-Muhibbin menyaksikan pameran di ruang legar Bangunan Tambahan Ibu Pejabat Jabatan Penerangan.



ROMBONGAN juga berkesempatan melawat ke Unit Produksi Bahagian Pelita Brunei dan Unit Fotografi.



UCAPAN lawatan disampaikan oleh Awang Musa bin Mohidin, Pegawai Penerangan.

Majlis Penyampaian Sijil dan Pembentangan hasil Reality Program Higher Education Unit Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah

Oleh : Unit Latihan dan Penyelidikan

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 29 Disember – Majlis Penyampaian Sijil dan Pembentangan hasil penempatan penuntut-penuntut dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah telah di adakan di Bilik Mesyuarat Tingkat 5, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

Hadir bagi menyampaikan sijil dan mendengarkan pembentangan ialah Yang Mulia Mawardi bin Haji Mohammad, Pemangku Pengarah Pengarah. Turut hadir Mr. Bobby Chong, guru pengawas penempatan dari Maktab berkenaan dan para pegawai dari unit-unit penuntut ini ditempatkan.



PEMANGKU Pengarah menyampaikan sijil kepada Dayang Rohana binti Haji Tajudin yang menjalani penempatan di Unit Hal Ehwal Antarabangsa.

Seramai tiga orang penuntut Tingkatan Enam Atas dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah telah menjalani penempatan dibawah ‘Reality Program Higher Education Unit’ di Jabatan ini sejak 1 Disember yang lalu. Mereka ialah Dayang Rohana binti Haji Tajudin, Dayang Nur Alya Syazwani binti Haji Ali Hasin dan Dayang Nana Maryana binti Tengah.

Program penempatan yang berakhir pada 31 Disember 2015 ini dihasratkan memberi pengalaman baru dan pendedahan mengenai suasana alam pekerjaan. Selain itu para penuntut juga berpeluang mengenali Jabatan Penerangan dengan lebih dekat lagi.



DAYANG Nana Maryana binti Tengah yang menjalani penempatan di Unit Perhubungan Awam menerima sijil dari Pemangku Pengarah.



DAYANG Nur Alya Syazwani binti Haji Ali Hasin yang menjalani penempatan di Unit Penerbitan Melayu menerima sijil dari Pemangku Pengarah.



SALAH seorang penuntut sedang menyampaikan pembentangan beliau.

Perlawanan Persahabatan Badminton

Oleh : Haji Rahime Haji Anuar
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 Disember. - Jabatan Penerangan telah mengadakan perlawanan badminton persahabatan dengan pasukan Kedutaan Besar Republik Indonesia di Negara Brunei Darussalam bertempat di dewan Kedutaan Besar Republik Indonesia, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam.

Sebelum perlawanan persahabatan tersebut bermula kedua-kedua pasukan telah membuat pertukaran cenderahati yang disampaikan oleh Puan Yang Terutama Ibu Nurul Qomar, Duta Besar Republik Indonesia di Negara Brunei Darussalam dan Puan Hajah Norashidah binti Haji Aliomar, Pemangku Timbalan Pengarah

Penerangan.

Tujuan perlawanan tersebut diadakan antara lain ialah bagi meningkatkan tahap kesihatan dan mutu permainan dalam sukan badminton di samping mengeratkan lagi silatulrahim diantara kedua pasukan dan kedua-dua buah Negara khususnya.

Turut hadir sama dalam perlawanan persahabatan tersebut ialah Awang Mawardi bin Haji Mohamad, Pemangku Pengarah Penerangan. Dalam perlawanan persahabatan tersebut sebanyak 7 beregu lelaki dan 2 beregu wanita telah dipertandingkan. Pasukan Jabatan Penerangan telah memenangi 8 perlawanan tersebut dengan kiraan 8 – 1.



SESI bergambar ramai pasukan badminton Jabatan Penerangan dengan Pasukan Badminton Kedutaan Besar Republik Indonesia sebelum perlawanan dimulakan.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar memberi ucapan alu-alukan sebelum perlawanan dimulakan.



BARISAN bergu pertama kedua-kedua pasukan.



PENYAMPAIAN cenderamata yang disampaikan oleh Duta Besar Republik Indonesia kepada Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan Awang Mawardi bin Haji Mohamad berpasangan dengan Awang Yahya Haji Jumat di perlawanan tersebut.

Program Sua Muka Daerah Tutong

Oleh : Mohd. Adi Zamhari Haji Awang Yahya

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



KETUA Rombongan dari Jabatan Penerangan menyampaikan cenderahati kepada Ketua Kampung Penapar, Daerah Tutong.



PROGRAM Sua Muka di kediaman Ketua Kampung Penapar, Daerah Tutong, Awang Haji Mahmud bin Haji Abdul Latif @ Latip pada 8 Disember 2015.



KETUA Kampung Penapar menunjukkan cadangan kawasan tapak pembuangan sampah bagi para penduduk Kampung Penapar dan kawasan sekitarnya.

TUTONG, Selasa 8 Disember – Program Sua Muka (Personal Contact) adalah merupakan salah satu strategi Jabatan Penerangan untuk mendekati orang ramai terutamanya di kawasan Mukim dan Kampung. Bertujuan untuk menyampaikan maklumat yang tepat mengenai dengan dasar dan pembangunan negara dan dalam pada masa yang sama program ini berfungsi untuk menerima maklumbalas dan pemasalahan penduduk-penduduk setempat untuk disampaikan kepada

pihak agensi-agensi kerajaan yang tertentu bagi tindakan selanjutnya.

Sehubungan itu, melalui Unit Kemasyarakatan, Cawangan Penerangan Daerah Tutong meneruskan lagi program ini di Kampung Penapar, Mukim Tanjung Maya. Program ini diadakan di rumah kediaman Ketua Kampung Penapar, Awang Haji Mahmud bin Haji Abdul Latif @ Latip. Rombongan Jabatan Penerangan diketuai oleh Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi, Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong. Sebelum acara bermula, Pengiran Haji Zahari ada menjelaskan dan menerangkan mengenai dengan objektif, matlamat dan kekuatan Program Sua Muka ini.

Pada pertemuan tersebut, Awang Haji Mahmud menerangkan mengenai dengan latar belakang dan kemudahan asas di Kampung Penapar serta pemasalahannya. Kampung Penapar yang terletak kira-kira 14 kilometer dari Pekan Tutong mempunyai keluasan 8 kilometer persegi dan jumlah penduduknya kira-kira 600 orang.

Di antara pemasalahan yang sering dialami oleh penduduk kampung seperti bencana banjir dan tiada tempat pembuangan sampah yang sesuai.


Kampung ini juga tidak ketinggalan mendapat kemudahan-kemudahan asas yang disediakan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli seperti elektrik, air, telefon, jalan raya, sekolah dan masjid.

Program ini diharap akan dapat menarik perhatian pihak-pihak tertentu dan seterusnya mengambil tindakan yang sepatutnya.

Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus / bengkel / program pada bulan ini:

| Nama | Kursus / Bengkel / Ceramah | Tarikh |
|--|--|----------------------|
| 1. Awang Aliasan bin Haji Kalong | Keterampilan Interpersonal | 1 - 2 Disember 2015 |
| 2. Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail | Kursus Menangani Perubahan | 1 - 3 Disember 2015 |
| 3. Awang Mohammad Azmi bin Awang Damit 4. Dayang Norliah binti Md Zain 5. Awang Bolhassan bin Haji Abu Bakar 6. Awang Abu Bakar bin Haji Abdul Rahman 7. Awangku Jefferi bin Pengiran Haji Durahman 8. Awang Ah Chua bin Bangau 9. Dayang Noraisah binti Muhammed 10. Awang Wan Mohammad Sahran bin Wan Ahmad 11. Dayang Haniza binti Abdul Latif 12. Dayang Hajah Siti Zuraiyah binti Awang Sulaiman 13. Dayangku Siti Redzaimi binti Pengiran Haji Ahmad 14. Dayangku Vivy Malessa binti Pengiran Ibrahim 15. Dayang Nooratini binti Haji Abas 16. Dayangku Rohani binti Haji Abdul Hamid 17. Dayang Khartini binti Mohd Hamir 18. Dayang Aimi binti Sani 19. Dayang Marlinawaty binti Hussin 20. Awang Haji Mahmud Hafidzie bin Haji Awang Ali Mashod 21. Dayangku Nur Effa Ryina binti Pengiran Haji Hamdani 22. Awang Mohammad Nor Amirudin bin Haji Ibrahim | Bengkel Penulisan Berita Berkesan | 2 - 3 Disember 2015 |
| 23. Awang Haji Dayang bin Haji Kasim | Penempatan Kerja Di Cawangan Pentarama Jabatan Penerangan Malaysia | 2 - 5 Disember 2015 |
| 24. Dayang Hajah Rabi'atul 'Adawiyah binti Haji A. Ahmad | Human Resource Management | 8 - 10 Disember 2015 |
| 25. Awang Mawardi bin Haji Mohammad | Bengkel Leading Delivery | 9 Disember 2015 |
| 26. Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar 27. Awang Azman bin Haji Abdul Rahim 28. Awang Musa bin Mohiddin 29. Awang Haji Dayang bin Haji Kasim 30. Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya 31. Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya 32. Awang Mohamad bin Awang Damit 33. Awang Abdul Karim bin Hamdan 34. Awang Mohammad Hisyam bin Idris 35. Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli | Program 'The 3 Ms Service Delivery Culture' | 10 Disember 2015 |

Kalendar 2016 terbitan Jabatan Penerangan



JABATAN PENERANGAN melalui Unit Pameran, Bahagian Penerbitan dan Pameran telah menerbitkan Kalendar bagi tahun 2016 dalam bentuk kalender dinding, kalender meja dan “planner” yang bertemakan “Wawasan Brunei 2035”.

Orang ramai boleh mendapatkannya secara percuma selagi stok masih ada di Unit Sokongan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri bagi Daerah Brunei-Muara dan di cawangan-cawangan Jabatan Penerangan di Daerah Tutong, Belait dan Temburong.



| TARIKH | HARI | HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|--------|--------|--------|-------|-------|--------|------|-------|------|---------|-------|
| 1* | JUMAAT | 20 | 4.55 | 5.05 | 6.28 | 6.52 | 12.24 | 3.46 | 6.19 | 7.33 |
| 2 | SABTU | 21 | 4.55 | 5.05 | 6.28 | 6.53 | 12.25 | 3.47 | 6.19 | 7.34 |
| 3 | AHAD | 22 | 4.56 | 5.06 | 6.29 | 6.53 | 12.25 | 3.47 | 6.20 | 7.34 |
| 4 | ISNIN | 23 | 4.56 | 5.06 | 6.29 | 6.54 | 12.26 | 3.48 | 6.20 | 7.35 |
| 5 | SELASA | 24 | 4.57 | 5.07 | 6.30 | 6.54 | 12.26 | 3.48 | 6.21 | 7.35 |
| 6 | RABU | 25 | 4.57 | 5.07 | 6.30 | 6.54 | 12.27 | 3.49 | 6.21 | 7.36 |
| 7 | KHAMIS | 26 | 4.58 | 5.08 | 6.31 | 6.55 | 12.27 | 3.49 | 6.22 | 7.36 |
| 8 | JUMAAT | 27 | 4.58 | 5.08 | 6.31 | 6.55 | 12.28 | 3.49 | 6.22 | 7.36 |




31 AHAD 21 5.06 5.16 6.36



7.00 12.35 3.56 6.31 7.43

SEBAHAGIAN daripada orang awam mengambil kalendar dinding dan “planner” 2016 yang diedarkan oleh Unit Sokongan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Penerangan (gambar kiri dan kanan).



Jabatan Penerangan mengucapkan selamat datang kepada kakitangan yang baru berkhidmat di jabatan ini:



Awangku Syi'aruddin bin Pengiran Dauddin

Jawatan : Pemberita

Tarikh melapor : 12 Disember 2015

Kenaikan pangkat pegawai-pegawai Jabatan Penerangan :



Awang Haji Masrin bin Baharin sebagai
Penolong Pegawai Kakitangan
di Pejabat Penerangan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia,
Kementerian Kewangan

Tarikh berpindah :
7 Disember 2015



Dayang Norhafilah binti Rosli

Jawatan : Penyemak

Tarikh melapor : 28 Disember 2015



Dayang Arme Suziley Sanfilah binti Mohd Eriffin

Jawatan : Juruteknik Foto Tingkat II

Tarikh melapor : 14 Disember 2015



Awang Muhammad Hamdanajib
bin Haji Duming/Domeng
sebagai
Ketua Tukang Plan
di Jabatan Kerja Raya,
Kementerian Pembangunan

Tarikh berpindah :
1 Disember 2015

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>
<http://www.information.gov.bn>
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



[infodept.bn](https://www.instagram.com/infodept.bn)



[infodept_bn](https://twitter.com/infodept_bn)

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Fax : 2382242**